



BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT | KRAFTANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR | JALAN CONLAY | 50450 KUALA LUMPUR
TEL : 03 - 2162 7459 | FAKS : 03 - 2161 3773 | www.kraftangan.gov.my |   KRAFTANGAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MEET AND GREET HI-TEA SEMPENA ASEAN ARTS & CRAFTS BAZAAR (AACB) 2025

KUALA LUMPUR 12 OKTOBER 2025- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) mengadakan sesi *Meet And Greet Hi-Tea* bersempena ASEAN Arts & Crafts Bazaar (AACB) 2025 yang dihadiri oleh Yang Berbahagia Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya bersama-sama Yang Mulia Duta-Duta Besar serta Pesuruhjaya Tinggi ke Malaysia bertempat di Kompleks Kraf Kuala Lumpur.

Hadir sama, Yang Berusaha Encik Mohd Al-Hafizi bin Haji Ab. Bakar, Pengerusi Kraftangan Malaysia dan Yang Berbahagia Datuk 'Ainu Sham binti Haji Ramli, Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia.

Majlis ini diserikan dengan Peragaan Fesyen yang menampilkan 44 koleksi rekaan yang berinspirasi produk kraf Malaysia daripada kraf tekstil, sulaman, tenunan dan aksesori produk kraf hasil rimba serta logam. Inisiatif ini merupakan platform strategik bagi memperluas jaringan kolaborasi antara pereka dan jenama sama ada dari dalam mahupun luar negara.

Peragaan fesyen pada hari ini membawakan koleksi rekaan hasil daripada kolaborasi antara pereka Kraftangan Malaysia dengan usahawan kraf dan pereka fesyen tempatan iaitu Jafiq (Manis Jingga), Karyaneka (Rona Alam), Salikin Sidek (Busana Tradisional Warisan Melayu), Ang Eng (Kebaya Alam Tropika) dan Kraftangan Malaysia (Malaysian Craft Textile)

Seterusnya, tetamu kehormat menyantuni para usahawan kraf di reruai Jualan, Demonstrasi Kraf Antarabangsa, Pameran Produk Kraf Baharu, Pameran Produk Kraf ASEAN, Pameran ASEAN Miniature Gallery dan Pameran Khas Tenun Pahang Diraja.-**TAMAT**-